



## **TEKS UCAPAN**

**DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN  
KETUA PENGARAH MAMPU**

**MAJLIS PELANCARAN  
PELAN STRATEGIK ICT  
PEJABAT SETIAUSAHA  
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
DAN JABATAN NEGERI 2016-2020**

**24 NOVEMBER 2015 (SELASA)  
8.30 PAGI**

**AUDITORIUM A, ARAS 5,  
KOMTAR, PULAU PINANG**

Assalamualaikum Warrahmatullahi  
Wabarakatuh,

Salam Kegemilangan,  
Salam “1Malaysia, Rakyat  
Didahulukan, Pencapaian  
Diutamakan”,  
Salam Sehati Sejiwa.

Yang Dihormati Saudara/saudari  
Pengacara Majlis

Yang Berhormat Dato' Seri Farizan bin  
Darus,  
Setiausaha Kerajaan Negeri  
Pulau Pinang

Yang Berusaha Tuan Haji Ghazali bin  
Derahman  
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri  
Pulau Pinang (Pengurusan)  
merangkap  
Pengerusi Jawatankuasa Induk  
Seminar eKerajaan 2015

YBrs. Dr. Mohamad Zainuddi bin Mat  
Taib  
Ketua Perunding ICT Sektor Awam  
(Strategis)  
Unit Pemodenan Tadbiran dan  
Perancangan Pengurusan Malaysia  
(MAMPU), Jabatan Perdana Menteri

Perunding ICT Sektor Awam MAMPU

Pegawai-Pegawai Pentadbiran  
Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Pegawai-pegawai MAMPU

YBhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan  
Puan-puan yang dihormati sekalian.

Terlebih dipanjangkan **segala puji dan syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan IZINNYA** maka dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini dalam **Majlis Pelancaran Pelan Strategik ICT Pejabat Setiausaha**

**Kerajaan Negeri Pulau  
Pinang/Jabatan Negeri bagi tempoh  
2016-2020.**

2. **Saya ingin mengucapkan terima kasih atas kesudian YB Dato' Seri Farizan bin Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan seluruh warga Jabatan dibawahnya yang sudi mengundang saya dan pegawai-pegawai MAMPU ke Majlis Pelancaran Pelan Strategik ICT Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri/Jabatan Negeri Pulau Pinang bagi tempoh 2016-2020. Inisiatif menghasilkan Buku Pelan Strategik**

**ICT** ini, sesungguhnya merupakan **ampuhan kepada komitmen Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri** terhadap usaha **melestarikan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam** yang berpaksikan ***citizen centric*** dalam meraih kecemerlangan yang berterusan.

YB Dato' Seri, YBhg. Dato'-Dato',  
Tuan-tuan dan Puan-puan,

**3. Perkhidmatan Awam Malaysia** kini berada di **situasi yang bertepatan** dalam usaha untuk melonjakkan **aspirasi negara mencapai hasrat**

**sebagai sebuah Negara Maju Berpendapatan Tinggi.** Justeru, kaedah biasa iaitu cerminan penerusan yang rutin boleh mengagalkan keupayaan untuk melakar kecemerlangan, gagal menggamit loncatan baru, serta gagal mendakap perubahan untuk memacu sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih efektif dan efisien.

4. Sayugia itu, **Rancangan Malaysia Ke-11** yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada **21 Mei 2015** adalah merupakan piagam yang menggariskan strategi

**menyeluruh** sebagai pelonjak terakhir bagi Malaysia mencapai status Negara Maju. RMK11 adalah berasaskan kepada '**pertumbuhan berpaksikan rakyat**' (***anchoring growth on people***) telah merencanakan pertumbuhan mampan menerusi **enam teras strategik** dan **enam pemacu perubahan** (***game changer***) yang turut menggariskan peranan penjawat awam. **Bab 9** misalnya, telah **menyatakan keperluan transformasi perkhidmatan awam** melalui pendekatan **penambahbaikan proses penyampaian, pemanfaatan data, perluasan jangkauan perkhidmatan**



serta **peningkatan akauntabiliti dan ketelusan**. Aspirasi ini akan turut disokong dengan usaha-usaha tumpuan kepada **pengembangan bakat, rasionalisasi Sektor Awam, pengurusan projek yang cekap** serta **pemeriksaan perkhidmatan kerajaan tempatan**.

5. Untuk memastikan matlamat ini tercapai, maka **prestasi kualiti sistem penyampaian sektor awam** akan diukur dari **aspek kecekapan, perkhidmatan dalam talian** dan **persepsi rasuah** berlandaskan **penanda aras peringkat**

**antarabangsa. Maka itu, indeks penarafan antabangsa yang memberikan cerminan kedudukan Malaysia dalam beberapa penarafan sepertimana Ease of Doing Business Index oleh The World Bank dari anak tangga ke 20 pada tahun 2014 kepada tangga ke 18 pada tahun 2015 daripada 189 buah negara. Dari aspek daya saing pula, berdasarkan Global Competitiveness Report oleh World Economic Forum, Malaysia menduduki ditangga ke 18 (2015) daripada 140 buah negara berbanding tangga ke 20 (2014) bagi tahun sebelumnya. Laporan tersebut**

juga telah meletakkan **Kerajaan Malaysia di tangga kelapan** dalam senarai antara **kerajaan yang cekap** di dunia.

YB Dato' Seri, YBhg. Dato'-Dato',  
Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. **Menyorot semula kepada Majlis** kita pada pagi ini, saya ingin mengucapkan **tahniah** kepada **Pasukan Kerja Pembangunan Pelan Strategik ICT PSUKPP** kerana telah berjaya membangunkan **Pelan Strategik ICT PSUKPP/Jabatan Negeri Tahun 2016-2020**. Saya

difahamkan untuk pembangunan PSICT ini, **pegawai-pegawai MAMPU dilibaturus** untuk **memberi bantuan dalam bentuk *coaching*** bagi fasa pertama pembangunan PSICT, manakala **fasa-fasa berikutnya dilaksanakan secara dalaman oleh Pasukan Kerja Pembangunan Kerajaan Negeri.**

7. Pendekatan khidmat perundingan secara ***coaching dan hand-holding*** dari MAMPU telah berjaya meningkatkan **kepakaran pegawai agensi dalam melaksanakan projek-projek ICT.**

Melalui pendekatan ini, **Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri telah berjaya mempelajari metodologi pembangunan PSICT dan mempunyai keyakinan dalam membangunkan PSICT secara *in-house***. Khidmat yang diberikan oleh MAMPU meliputi dalam **pelbagai bidang perkhidmatan perundingan kepada agensi-agensi Kerajaan sama ada dalam bidang ICT atau bukan ICT**. Mengimbas dalam **bidang ICT**, MAMPU menyediakan perkhidmatan perundingan dalam **lapan bidang ICT, iaitu Pengurusan Strategik ICT, Pengurusan Projek,**

**Pengurusan Maklumat, Pengurusan Keselamatan ICT, Pengurusan Rangkaian ICT, Pengurusan Pusat Data, Pengurusan Pengkalan Data dan Pembangunan Sistem Aplikasi. Manakala bagi perkhidmatan bukan ICT ianya meliputi perkhidmatan perundingan pembangunan organisasi yang meliputi pelan Strategik Bisnes, pelan risiko dan penjenamaan, dan juga pembangunan pengurusan yang meliputi Business Process Reengineering (BPR) dan pengurusan perubahan. Selain itu, MAMPU turut menawarkan khidmat**

**rundingan dalam program transformasi dan inovasi serta pematuhan dan pengiktirafan. MAMPU bersedia untuk memberi bantuan perkhidmatan tersebut kepada agensi-agensi Kerajaan Negeri dalam mana-mana bidang sekiranya diperlukan.**

YB Dato' Seri, YBhg. Dato'-Dato',  
Tuan-tuan dan Puan-puan,

**8. Pelancaran Pelan Strategik ICT PSUKPP/Jabatan Negeri 2016-2020 akan mengariskan *roadmap* ICT bagi menyokong Kerajaan Negeri dalam**

usaha **mentransformasikan** **penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.** Pada hemat saya, **Pelan Strategik ICT/Jabatan Negeri ini merupakan pernyataan utama untuk lima tahun di mana tindakan dan komitmen dari pihak-pihak jabatan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk melaksanakan dan merealisasikan merupakan perkara yang lebih dominan. Adalah menjadi peri penting untuk memastikan strategi dan metodologi yang diatur bagi projek-projek ICT dilaksanakan mengikut jadual, membentuk tadbir**



**urus yang baik**, diadun oleh **pasukan teknikal yang kompeten** dan **pasukan kerja yang responsif serta berwibawa**. Adalah disarankan supaya disediakan **kaedah penilaian pelaksanaan projek** dengan membuat **“Semakan Semula PSICT”** bagi memastikan pelaksanaan projek ICT adalah relevan dan selaras dengan trend teknologi semasa.

9. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato’ Seri Farizan bin Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri dan semua Warga PSUKPP dan

Jabatan Negeri terutamanya **Pasukan Kerja Pembangunan Pelan Strategik ICT** yang telah berjaya merangka dan menghasilkan dokumen **Pelan Strategik ICT PSUKPP/Jabatan Negeri bagi tempoh 2016-2020**.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah.  
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

Terima kasih.